

# Pertemuan Umno Kelantan hurai masalah

16 JUL 1994

KUALA LUMPUR, Jumaat — Pertemuan di antara Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan pemimpin parti di Kelantan dapat menyelesaikan banyak masalah politik yang wujud di negeri itu.

Dr Mahathir berkata, walaupun keputusan berhubung perlantikan jawatankuasa penaja Umno peringkat negeri itu masih belum muktamad, semua pemimpin Umno negeri itu berpuas hati kerana banyak masalah dapat diselesaikan.

“Soal menentukan siapa jadi ketua tidak menjadi isu tetapi perpaduan parti semakin rapat kerana kita dapat luahkan perasaan dan pandangan kita,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan malam ini dengan delegasi pemimpin Umno Kelantan yang diketuai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri itu, Datuk Annuar Musa. Hadir sama ialah Setiausaha Agung parti, Datuk Mohamed Rahmat.

Mengenai laporan agensi AFP bahawa beliau mengadakan pertemuan sulit dengan Perdana Menteri Israel, Yitzhak Rabin, di Perancis, Perdana Menteri menafikan laporan itu.

“Apa yang berlaku ialah kami duduk di hotel yang sama bernama de Crillion, sebuah hotel milik kerajaan. Saya duduk tingkat tiga dan dia duduk tingkat dua. Tetapi kami tidak berjumpa pun,” katanya.

Mengenai lawatan Tengku Abdullah ke Israel pula, Perdana Menteri berkata kunjungan itu adalah atas jemputan Perdana Menteri Israel untuk mengetahui mengenai hal ehwal politik dan bukannya diarahkan oleh kerajaan.